

SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2018/01/04 (HQ)

TNB CATAT PENDAPATAN STABIL

3 bulan berakhir 30 November 2017 bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017

- **Keuntungan stabil pada RM2.34 bilion**
- **Keuntungan Selepas Cukai Kumpulan (PAT) RM2.16 bilion berikutan translasi tukaran wang asing, disokong oleh Ringgit yang mengukuh**

Kuala Lumpur, 26 Januari 2018 - Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini mengumumkan keputusan kewangannya bagi tempoh tiga bulan berakhir 30 November 2017 untuk Tempoh Berakhir 31 pada Disember 2017 (Suku Pertama Tempoh Berakhir Disember 2017). Tahun kewangan pendek ini bermula 1 September 2017 hingga 31 Disember 2017, meliputi tempoh empat bulan. Tahun kewangan Kumpulan akan kembali kepada dua belas bulan berakhir 31 Disember.

Keuntungan operasi Kumpulan bagi S1 Tempoh Berakhir Dis '17 dicatat pada aras sama iaitu RM2.34 bilion, berbanding tempoh sama tahun lalu.

Perbelanjaan operasi (OPEX) meningkat 6.3% kepada RM9.66 bilion, berbanding RM9.09 bilion yang dicatat dalam tempoh yang sama tahun lepas. OPEX yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh kos penjanaan yang lebih tinggi berikutan kenaikan kos bahan api. Bagaimanapun, dengan pelaksanaan mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT), TNB kekal neutral daripada turun naik harga minyak.

Keuntungan Selepas Cukai (PAT) Kumpulan dicatat pada RM2.16 bilion berbanding RM1.79 bilion pada tempoh sama tahun lalu, yang mana 45% adalah disebabkan oleh perniagaan kawalselia. Kestabilan keuntungan operasi Kumpulan akan memberi manfaat kepada para pemegang saham, dalam bentuk pembayaran dividen masa depan yang mampan serta keuntungan modal.

Kumpulan juga terus melabur dengan banyak dalam perbelanjaan modal (CAPEX) bagi memenuhi keperluan kapasiti tenaga negara. Pada masa ini, ada tiga projek penjanaan dengan kapasiti hampir 3,500 megawatt yang akan dimulatugas pada tahun 2018 hingga 2020. Projek-projek penjanaan ini mewakili 70.9% daripada seluruh pelaburan CAPEX sebanyak RM3.71 bilion pada S1 Tempoh Berakhir Dis '17. Pelaburan ini juga mengukuhkan kunci kira-kira Kumpulan dengan jumlah aset asas Kumpulan meningkat kepada RM146.10 bilion kepada 30 November 2017.

Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd berkata: "Peningkatan PAT Kumpulan adalah disebabkan oleh translasi tukaran wang asing yang lebih baik, didorong oleh Ringgit yang mengukuh. Ini menunjukkan pertumbuhan makroekonomi yang positif di Malaysia, yang memberi manfaat kepada TNB dari segi permintaan elektrik. "

Datuk Seri Ir. Azman Mohd menambah: "Lebih utama, kestabilan pendapatan Kumpulan disokong oleh keberkesanan pelaksanaan mekanisme ICPT di bawah Kawal Selia Berasaskan Insentif atau Rangka Kerja IBR. Kestabilan pendapatan adalah penting bagi memastikan TNB memiliki keupayaan untuk terus melabur dalam infrastruktur negara, bagi memastikan kecekapan, keselamatan dan daya harap sistem. "

Pertumbuhan permintaan elektrik di Semenanjung Malaysia untuk tempoh itu adalah 1.2%, terutamanya disumbangkan oleh trend menaik yang berterusan dalam sektor perindustrian sejak Suku Keempat Tahun Kewangan Berakhir Ogos 2017.

Mengenai prospek ekonomi, Bank Negara Malaysia (BNM) dalam Laporan Perkembangan Ekonomi dan Kewangan di Malaysia pada Suku Ketiga tahun 2017 melaporkan, berdasarkan prestasi kukuh yang berterusan pada suku ketiga, pertumbuhan ekonomi Malaysia menghampiri julat tertinggi unjuran rasmi sebanyak 5.2 - 5.7 % pada tahun 2017.

Oleh itu, adalah diharapkan pertumbuhan permintaan elektrik akan stabil sejajar dengan perkara di atas.

Berdasarkan senario tersebut, Lembaga Pengarah berpendapat prospek Kumpulan untuk Tempoh Kewangan berakhir Disember 2017, kekal stabil.

Sorotan Kewangan

RM' Juta	3-bulan	
	<u>TK Berakhir Dis</u>	<u>TK2017</u>
	<u>2017</u>	
Jumlah pendapatan		11,241.6
Perbelanjaan operasi		(9,086.1)
Pendapatan operasi lain		184.1
Lebihan operasi (EBIT)		<u>2,339.6</u>
Kos kewangan		(278.3)
Keuntungan translasi tukaran wang asing / (kerugian)		(231.2)
Keuntungan bersih (sebelum keuntungan / (kerugian) translasi tukaran wang asing)		1,971.7
Keuntungan bersih yang diagihkan kepada pemilik syarikat		1,740.5
Pendapatan sesaham		30.79 sen

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, grid dan pembahagian tenaga elektrik. Selain syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 30 November 2017, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 9.0 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan profesional, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan kemudahan penyejukan daerah, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyelenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkenaan dengan tenaga diperbaharui, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik yang bersepadu, TNB telah dan akan meneruskan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan negara.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 26 Januari 2018, jam 5.30 petang

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris di talian 019-2617617 /
Datuk Omar Sidek di talian 013-3418988 atau e-mel ke media@tnb.com.my*